

PM arah salur bantuan segera

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menyegerakan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir di Baling, Kedah yang meragut tiga nyawa dan menjejaskan 1,490 mangsa membabitkan 112 ketua isi rumah (KIR).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang ketika ini dalam siri lawatan rasmi ke Turkiye memaklumkan, sudah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali untuk menyelaraskan bantuan segera kepada semua mangsa.

Beliau berkata, bantuan awal kepada setiap KIR itu meliputi Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000, Bantuan Barang Keperluan Asas sebanyak RM2,500, Bantuan Barangan Elektrik RM500 serta pembaikan rumah.

“Semua bantuan awal ini membabitkan peruntukan kewangan sebanyak RM500,000. Kebanyakan rumah terkesan dengan musibah ini mengalami kerosakan dan sebanyak 25 buah rumah sudah musnah sama sekali,” katanya dalam kenyataan.

Beliau memaklumkan, sudah mengarahkan

semua agensi kerajaan yang terbabit untuk mengenal pasti kerosakan dan pembaikan yang perlu dilakukan untuk memastikan mangsa tragedi ada tempat berteduh yang selesa selepas ini.

“Bantuan lain akan disusuli dengan segera termasuklah kerja-kerja pembersihan kawasan dan projek-projek tebatan banjir kritikal. Kerajaan terus komited untuk menyediakan peruntukan sewajarnya bagi perkara ini.

“Saya akan memastikan kebajikan dan keselamatan mangsa-mangsa ini akan diberi perhatian sepenuhnya dengan kerjasama erat daripada semua pihak baik dari kerajaan Pusat mahupun negeri,” katanya.

Ismail Sabri juga berkata, Setiausaha Politiknya, Datuk Mohammad Anuar bersama pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) semalam sudah menyampaikan BWI kepada semua KIR, termasuk kepada tiga waris mangsa yang meninggal dunia sebanyak RM10,000 seorang.

BH- 6/7/2022 m/s: 5